



## Sindiket edar dan proses dadah tumpas

25 Jun 2012

KUALA LUMPUR - Polis menumpaskan sindiket pengedaran dan memproses dadah dengan penahanan sembilan lelaki, termasuk dua warga Nigeria dalam beberapa serbuan di ibu negara dan merampas dadah jenis syabu, ketamin dan eramin 5 bernilai lebih RM1.3 juta.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh berkata dalam serbuan yang dilakukan selama empat hari bermula Rabu lepas di ibu negara, polis turut membongkar sebuah makmal memproses dadah di sebuah apartment di Plaza 393 Jalan Shelly di sini pada Rabu lepas dan merampas peralatan memproses dadah sintetik.

"Pendedahan makmal itu berjaya dilakukan selepas polis membuat serbuan ke atas sebuah kereta jenis Proton Persona di Taman Segar, Cheras 2.20 petang pada hari yang sama dan menemui dua paket plastik lutsinar mengandungi bahan serbuk warna kekuningan disyaki dadah jenis ketamin seberat 1.2kg.

"Empat lelaki tempatan berumur antara 21 hingga 25 tahun yang mana dua daripada mereka bekerja sebagai penghantar surat ditahan selepas polis menemui ketamin yang bernilai RM35,000 itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hasil soal siasat ke atas suspek, tiga jam kemudian, polis menjalankan serbuan ke atas apartment terbabit dan menemui makmal memproses dadah berkenaan di dalam bilik utama, katanya.

"Di dalam bilik itu terdapat peralatan memasak dan bahan-bahan kimia untuk memproses dadah dan sindiket itu dipercayai mula beroperasi awal tahun ini," katanya.

Amar Singh berkata dalam satu lagi serbuan pada Rabu lepas, sebuah kereta jenis Toyota Alphard ditahan di persimpangan Jalan Walter Grenier, Bukit Bintang pada 11.30 pagi, polis menemui lima bungkusan surat khabar yang mengandungi bahan kristal disyaki dadah jenis syabu seberat 4.9kg.

Nilai syabu yang dirampas bernilai RM750,000 dan polis menahan seorang lelaki yang bekerja sebagai pemandu teksi berumur 39 tahun.

"Ujian air kencing juga mendapati suspek positif dadah jenis methamphetamine," katanya.

Pada Jumaat lepas pula, polis menemui 18 paket plastik lutsinar yang disyaki dadah jenis ketamin seberat 900 gram dan 2,500 biji pil eramin 5 masing-masing bernilai RM45,000 dan RM37,500 dalam serbuan di sebuah kondominium di Villa Wangsa Mas, Wangsa Maju pada 10.50 malam.

"Seorang lelaki berumur 26 tahun ditahan dan penemuan itu dibuat selepas polis menahan seorang lelaki berumur 33 tahun di tempat letak kereta kondominium berkenaan pada 10.30 malam pada hari yang sama. Kedua-dua mereka merupakan adik-beradik yang bekerja sebagai kontraktor," katanya.

Dalam serbuan terbaru Sabtu lepas, polis menemui enam bungkus plastik lutsinar yang mengandungi bahan serbuk berwarna putih disyaki dadah jenis syabu seberat 3.02kg bernilai RM450,000 dan menahan dua pelajar lelaki warga Nigeria berumur 22 dan 27 tahun.

"Serbuan dijalankan ke atas sebuah kereta jenis Proton Persona di tempat letak kereta sebuah kondominium mewah di Batu Caves dan kedua-dua suspek merupakan pelajar kolej di Kuala Lumpur.

Beliau berkata kesemua suspek kini direman selama tujuh hari dan kes disiasat mengikut Seksyen

39B akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman mati mandatori. -  
Bernama